

10/06/2001

Jangan biar Alex Yoong kempunan jadi pelumba Formula Satu

Razali Yahya

PADA Oktober tahun lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan hasratnya untuk melihat Malaysia mampu melahirkan pelumba Formula Satu sendiri suatu hari nanti. Dan kelangsungan daripada hasrat Dr Mahathir itu, kita cukup percaya ramai kalangan rakyat negara ini pasti sinis malah ada yang mencemiknya, seolah-olah ia hanya angan-angan kosong yang tidak mungkin menjadi kenyataan.

Bagi mereka, itulah kelaziman dan realiti yang menghantui sukan tanah air. Apapun kita tidak boleh cepat menyalahkan mereka kerana kurang yakin dengan harapan Perdana Menteri itu. Sebenarnya mereka berhak mencemiknya. Ini kerana pengurusan sukan di negara ini sudah sekian lama memberikan gambaran seumpama itu. Jadi, mana mungkin akan sampai ke tahap tertinggi sebagaimana disuarakan oleh Perdana Menteri itu.

Bagi kebanyakan peminat sukan tanah air, mereka sebenarnya sudah cukup meluat dimomokkan dengan pelbagai janji kosong oleh sebahagian besar persatuan sukan kebangsaan yang jelas tidak mampu menempatkan diri antara terbaik di persada sukan antarabangsa.

Sebab itu, mereka seolah-olah mencemik pengharapan Perdana Menteri yang mahukan Malaysia dapat melahirkan pelumba Formula Satu sendiri akan datang. Bagi peminat sukan tanah air, mereka tidak nampak ke mana hala tuju sukan negara yang kini sudah memasuki abad ke-21. Sedangkan dalam bidang lain, Malaysia sudah setanding dengan negara elit dunia. Namun dalam bidang sukan, tidak keterlaluan kalau kita katakan bahawa sebahagian besar prestasi ahli sukan negara masih boleh dikategorikan berada macam era 1960-an.

Begitupun, kita juga was-was dan berbelah bahagi kerana pengharapan Perdana Menteri itu terlalu jauh untuk dijangkau. Ini kerana sikap dan perangai sebilangan besar pegawai persatuan sukan kebangsaan sendiri jelas tidak pernah melambangkan untuk meletakan ahli sukan negara setanding dengan jaguh handalan dunia. Keinginan Dr Mahathir itu memang baik dan siapa yang tidak bangga suatu hari nanti akan muncul 'Michael Schumacher Malaysia' sebagaimana diharapkan oleh pemimpin nombor satu negara kita itu.

Kini, hasrat dan cita-cita Dr Mahathir untuk melihat Malaysia dapat melahirkan pelumba Formula Satu, bukan lagi dianggap sebagai 'angan-angan Mat Jenin'. Andai semuanya berjalan dengan baik serta mengikut perancangan, Malaysia akan mencatat satu sejarah paling gemilang apabila mempunyai pelumba F1 sendiri bertaraf dunia bulan depan. Ini bukan lagi omong kosong kerana surat bertarikh 5 Jun daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) kepada penaja Alex Yoong di Malaysia mengesahkan Alex ditawarkan kontrak untuk memandu sepenuh masa bagi pasukan F1 Minardi bermula 15 Julai depan sehingga akhir musim 2002.

Buat masa ini, Minardi mempunyai dua pemandu iaitu Fernando Alonso dan Tarso Marques. Selepas tujuh perlumbaan dalam musim 2001, pasukan Itali itu masih belum mendapatkan sebarang mata dan menduduki tempat terbawah di kalangan 11 pasukan. Alex, 24, yang kini berlumba dalam Kejohanan Formula Nippon di Jepun, dijadual memulakan kerjaya F1 bersama Minardi di Grand Prix Britain, Silverstone 15 Julai depan. Selain itu, surat tawaran turut menyatakan satu taklimat mengenai peluang tajaan akan diadakan oleh Persatuan Penganjur dan Pelumba Sukan Bermotor Malaysia (MMOCA) dan pengurus Alex, Simon Munger di Kuala Lumpur, esok.

Kini, impian itu sudah menghampiri kenyataan. Memang sukar

mempercayainya kerana Minardi kini sudah terpikat dan yakin dengan kemampuan serta keupayaan pelumba dari Malaysia itu untuk bertanding dengan pasukan berkenaan. Sekarang, peluang sudah terbentang luas untuk memastikan ianya menjadi kenyataan. Oleh itu, semua pihak harus tampil menjuruskan sokongan dan dokongan padu bagi memastikan hasrat rakyat Malaysia khususnya Alexander Yoong tercapai untuk `berdiri sama tinggi' sebaris dengan jaguh F1 yang ada sekarang.

Jika semua pihak termasuk kerajaan sendiri benar-benar memberikan komitmen yang tinggi, kita yakin dan percaya impian Dr Mahathir melihat rakyat Malaysia bertanding dalam perlumbaan F1, terkabul. Justeru, syarikat tempatan harus sama menghulurkan bantuan kepada Alex yang akan menjadi pelumba negara pertama beraksi dalam Kejohanan F1 bulan depan. Syarikat Malaysia harus membantu dan menyokongnya kerana kebanyakan syarikat asing menaja pemandu dan pasukan negara masing-masing.

Pepatah terbilang `kalau tidak dipecahkan ruyung, masakan dapat sagunya'. Ini samalah dengan kes pelumba bersemangat tinggi, Alex Yoong. Segala-galanya sudah berada di depan mata. Peluang sudah terbuka luas. Jika perkara ini tidak diberi perhatian yang serius dan kurang komitmen daripada syarikat gergasi di negara ini, hasrat Alex mencipta nama di peringkat dunia mungkin hanya tinggal impian kosong. Jadi, janganlah kita hampakan cita-cita murninya. Perlu diingat, selalunya peluang atau kesempatan terbaik itu hanya datang sekali. Jika peluang ini dilepaskan begitu sahaja, kita percaya peluang seumpama itu tidak mungkin ditawarkan buat kali kedua.

Apa perlu kita tunggu lagi. Dalam perkara ini, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein usah terlalu banyak membuat pelbagai komen mengenai tawaran Minardi kepada Alex itu. Sebagai orang nombor satu dalam KBS, Hishammuddin sudah sewajarnya berada di barisan depan dengan membentuk serta mengetuai `pasukan petugas khas' bagi memantau dan memastikan Alex benar-benar bertanding dalam kejohanan F1 pada 15 Julai ini.

Kita dan rakyat Malaysia tidak mahu mendengar bahawa kementeriannya tidak mengeluarkan sebarang perbelanjaan bagi membolehkan Alex mendapat tempat dalam pasukan Itali itu. Itu semua siapa peduli. Sebagai menteri yang dipilih oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dalam sukan negara, Hishammuddin menjadi orang yang paling dikehendaki untuk melakukan tugas ini dengan memastikan impian Alex dan harapan rakyat Malaysia menjadi kenyataan dan bukannya impian kosong. Menteri muda itu harus memimpin sebuah jawatankuasa khas mencari sejumlah wang yang besar bagi tujuan murni ini. Kita sama sekali tidak mahu dengar, tugas ini diserahkan kepada pihak kedua atau ketiga untuk mencari kewangan besar bagi membantu Alex dalam kerjaya Formula satunya.

Kita tidak menafikan bahawa sejumlah wang yang besar diperlukan bagi menaja Alex menyertai perlumbaan berprestij itu pada pertengahan saingan musim ini dan diikuti tahun depan. Difahamkan sebanyak AS\$5 juta (RM19 juta) diperlukan untuk membiayai pemandu itu tahun ini dan AS\$10 juta (RM38 juta) lagi bagi musim 2002. Kita juga akui bahawa kedudukan Alex selaku pemandu pasukan F1 belum pasti kerana ia masih di peringkat rundingan termasuk dalam menghalusi serta mempertimbangkan beberapa syarat yang ditetapkan pasukan itu.

Kita percaya, jika Hishammuddin dapat memberikan daya usaha padu dalam isu ini, peluang Alex untuk menjadi pemandu pertama negara bersaing dalam perlumbaan F1 akan menjadi kenyataan. Apatah lagi, kita kini difahamkan mereka sudah beradsa di peringkat akhir rundingan yang sudah bermula sejak tiga minggu lalu. Kita berharap perbincangan dengan pegawai pasukan Minardi di KBS, Rabu ini dapat berlansung dalam suasana harmoni, sekali gus dapat menelurkan keputusan yang akan mengembirakan kita semua.

Pertemuan itu perlu mencapai kesepakatan yang tidak berbelah bagi untuk mengelak Alex daripada berputih mata. Ini kerana semua pihak mengetahui bahawa ada calon lain turut dipertimbangkan oleh Minardi dan pemilihan Alex di peringkat ini adalah satu kebanggaan untuk kita rakyat Malaysia. Oleh itu, seluruh warga Malaysia menunggu dengan penuh debar hasil pertemuan Rabu ini dan kita sama sekali mengharap ianya tidak akan mengecewakan. Perlu kita ketahui bahawa Malaysia bukan sahaja sekadar mahu memiliki litar perlumbaan yang bertaraf dunia sebagaimana Litar F1 Sepang, tetapi juga mahu melahirkan pelumba yang boleh bersaing dengan jaguh dunia terus menjadi kenyataan.

Kita tidak mahu terus-menerus menjadi penganjur terbaik sedangkan harapan yang disuarakan Dr Mahathir agar Malaysia dapat melahirkan pelumba F1 semacam cerita Penglipur Lara Melayu yang penuh cerita dongeng. Bagi kita, KBS perlu sahut cabaran ini. Sekiranya gagal, KBS kena bertanggungjawab dan tidak harus menuding mencari kesalahan orang.

Datuk Azhar Mansor sendiri ketika mengumumkan mahu mengelilingi dunia secara solo, ramai yang mungkin tergelak dan mencebik, malah ada yang menganggap ianya satu kerja gila. Tetapi semangat juang Datuk Azhar melenyapkan kata-kata sinis itu dan dia sudah melakukan satu keajaiban yang sukar dipercayai rakyat Malaysia. Baginya slogan 'Malaysia Boleh' yang tertanam di sanubarinya telah menjadi dorongan kuat untuk dia melakukan sesuatu yang harus diberikan pengiktirafan tertinggi.

Jadi, tidak ada salahnya atlit-atlit negara kita meminjam 'semangat Datuk Azhar' untuk membuat kejutan dalam sukan antarabangsa dan sekali gus harapan Dr Mahathir mahukan Malaysia menelurkan pelumbanya sendiri dalam F1 bukan lagi cerita dongeng tetapi satu kenyataan dan kebenaran.

(END)